



# KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA  
No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,  
62623 Putrajaya  
No. Telefon : 03-8882 5562  
No. Fax : 03-8882 5569

## PENENTUAN HARGA MAKSIMUM KIT UJIAN PANTAS ANTIGEN COVID-19 (UJIAN SENDIRI) DI BAWAH AKTA KAWALAN HARGA DAN ANTIPECATUTAN 2011

**PUTRAJAYA, 2 September 2021** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan bekerjasama dalam melaksanakan penentuan harga borong dan runcit bagi kit ujian pantas antigen COVID-19 (ujian sendiri). Kerajaan sedar bahawa situasi COVID-19 di negara kita dan di seluruh dunia masih belum pulih malah situasi yang sedang melanda pada masa sekarang adalah lebih mencabar.

Sehubungan itu, permintaan terhadap kit ujian pantas antigen COVID-19 (ujian sendiri) dijangkakan meningkat susulan kesedaran orang ramai bagi membuat ujian sendiri untuk memastikan diri bebas dari wabak COVID-19. KPDNHEP telah mengadakan libat urus dengan semua pemain industri tempatan dan pengimport dalam menentukan harga kawalan yang berpatutan bagi semua pihak. KPDNHEP juga menjangkakan kesan persaingan akan menstabilkan lagi harga jualan di semua peringkat seperti mana berlaku kepada harga pelitup muka sekarang.

Kit Ujian Pantas Antigen COVID-19 (Ujian Sendiri) yang akan dikawal adalah merupakan suatu peranti yang diluluskan secara bersyarat oleh Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA), Kementerian Kesihatan Malaysia bagi pengesanan antigen yang menyebabkan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) dengan menggunakan sampel bendalir mulut atau *swab* hidung. Sebagai Kerajaan yang prihatin dan serius dalam menangani kos sara hidup yang meningkat pada masa kini dan sebagai tanda sokongan Kementerian bagi menangani wabak Covid-19, **Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna akan membuat kawalan ke atas harga**

**borong dan runcit maksimum bagi kit ujian pantas antigen COVID-19 (ujian sendiri) yang akan berkuat kuasa pada 5 September 2021** di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dan Akta Kawalan Bekalan 1961.

**Harga kit ujian pantas antigen COVID-19 (ujian sendiri)** adalah seperti berikut:

Barangan/ Goods	Kuantiti/ Quantity (unit)	Harga/ Price (Ringgit Malaysia) (RM)	
		Borong/ Wholesale	Runcit / Retail
Kit Ujian Pantas Antigen COVID-19 (ujian sendiri)  <i>COVID-19 Antigen Rapid Test Kit Self- Test</i>	1 set	16.00	19.90

Penentuan harga maksimum **borong dan runcit kit ujian pantas antigen COVID-19 (ujian sendiri)** dibuat mengikut kewajaran dan kesesuaian bagi penguatkuasaan yang lebih berkesan untuk memastikan harga yang berpatutan dan keberadaan bekalan di pasaran bagi manfaat pengguna dan peniaga.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menentukan harga maksimum borong dan runcit kit ujian pantas antigen COVID-19 (ujian sendiri) berdasarkan kepada maklumat harga dari punca-punca berikut:

- (i) pemantauan harga di semua premis dan farmasi di seluruh negara;
- (ii) maklum balas dari agensi kerajaan seperti Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA), Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM); dan
- (iii) perbincangan dengan pengilang, pengimport, peruncit dan persatuan farmasi barang tersebut.

Adalah diingatkan bahawa **tindakan tegas akan diambil terhadap peniaga yang gagal mematuhi peraturan-peraturan ini**. Mana-mana peniaga yang melakukan kesalahan akan diambil tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dan boleh dikenakan penalti seperti berikut:

**(i) Kesalahan menjual melebihi harga maksimum:**

- (a) **Individu**; boleh didenda oleh mahkamah sehingga RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya atau dikompaun sehingga RM50,000; dan
- (b) **Syarikat**; boleh didenda sehingga RM500,000 atau dikompaun sehingga RM250,000.

Kementerian telah menyediakan **pelbagai medium penyaluran aduan** bagi memudahkan rakyat mengemukakan aduan berkaitan isu harga. Kementerian turut mewujudkan **Skuad Tindakan Aduan Rakyat (STAR)** dalam usaha untuk **menangani aduan** rakyat dengan lebih **berkesan**.

Jika didapati ada peniaga yang tidak mematuhi undang-undang berkenaan dengan skim ini, **pengguna boleh menyalurkan aduan** kepada Kementerian ini melalui:

- (i) Portal e-aduan@kpdnhep.gov.my
- (ii) Call Centre 1800 886 800
- (iii) Emel e-aduan@kpdnhep.gov.my
- (iv) Aplikasi telefon pintar **Ez ADU**
- (v) **Enforcement Command Centre (ECC) 03-8882 6245 / 6088**
- (vi) Whatsapp ke **019- 279 4317**

**YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi  
Menteri Perdagangan Dalam Negeri  
dan Hal Ehwal Pengguna Putrajaya**

**YB Khairy Jamaluddin Abu Bakar  
Menteri Kesihatan Malaysia**

**2 September 2021**